

Tentang Hal Syafaat dan

Mengeluarkan Maujudin dari Neraka.

Di antara soal-soal yang berkaitan dengan akhirat, ialah “syafaat”.

Dengan memperhatikan beberapa buah hadis, nyatalah, bahawa soal syafaat itu ialah satu soal yang sulit dan rumit, telah bersimpang siur faham ahli ilmu padanya. Dengan mengambil jalan yang ringkas kita jelaskan seperti di bawah ini:

Takrif syafaat: Ibn al-Athīr berkata: “Sungguh berulang-ulang sebutan “syafaat” terdapat dalam beberapa hadis di dalam urusan yang berhubung dengan keduniaan dan di dalam urusan yang berhubung dengan hari akhirat. Syafaat itu ialah: Meminta dihapuskan kesalahan seseorang. Tersebut dalam *Majmu’ al-Baḥār* begini: Sungguh berulang kali terdapat dalam hadith perkataan syafaat dan bergantung dengan urusan dunia akhirat; dan syafaat itu memohon supaya kesalahan dan dosa seseorang diampunkan.”

Al-Ḥāfiẓ, dalam *Al-Fath*, berkata: *istishfā’*, ialah: meminta kepada seseorang akan memberi syafaatnya kepada kita atau memohon kepada yang berwajib supaya kesalahan kita diampunkan.

Syafaat di dunia: Sudah tetap bahawa Rasulullah (SAW) memberi syafaatnya kepada semua orang yang mukmin di dunia ini dan di akhirat kelak. Adapun syafaatnya di dunia, ialah sebagaimana yang diterangkan oleh ayat: “Dan jika sekiranya pada masa mereka telah menganiaya akan dirinya

mereka datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah, dan memohon ampun pula untuk mereka oleh Rasul Tuhan, tentulah mereka akan mendapati Allah ialah yang banyak menerima taubatnya, lagi yang Amat Mengasihani.” (62, *al-Nisā’*).

Ibn Kathīr berkata: ((Allah menerangkan kepada segala mereka yang derhaka dan berdosa, bahawa apabila mereka mengerjakan sesuatu dosa akan bergegas kepada Rasul, untuk memohon ampun. Sekiranya mereka diampuni Allah, Tuhan yang sangat menerima taubat hamba-Nya.”

Abdul Hadi, dalam *al-Ṣarim al-Munki(?)* berkata: Adalah sahabat-sahabat Rasulullah apabila seseorang daripada mereka melakukan kesalahan yang berhajat kepada taubat, mereka bergegas pergi mendapatkan Rasul. Di hadapan Rasulullah mereka berkata: Ya Rasulullah, saya telah lakukan satu kesalahan, maka pohon olehmu kepada Allah akan memberi ampun kepada aku terhadap kesalahanku.” Dan dalam surah Āli ‘Imrān ada juga Tuhan berfirman: “Maka maafkan olehmu akan mereka, dan pohonlah olehmu akan ampun untuk mereka, dan bawalah mereka ke dalam mesyuarat dalam segala urusan (159, Āli ‘Imrān)

Dalam surah Muḥammad, Tuhan berfirman: “Maka ketahui olehmu, bahawa tak ada Tuhan yang sebenar-benar disembah, melainkan Allah, dan pohon ampun olehmu

terhadap dosamu dan terhadap dosa orang yang beriman lelaki dan perempuan” (19, Muḥammad).

Dan segala doa-doa yang dilakukan Nabi untuk seseorang, baik dalam sembahyang jenazah umpamanya, ataupun pada lain-lain ketika dan masa semuanya dinamai “syafaat”. Syafaat seperti yang tersebut ini, terdapat juga pada nabi-nabi yang lain, dan terdapat pada malaikat dan segala orang yang beriman.

Contoh syafaat nabi lain, ialah syafaat Ya‘qub kepada anak-anaknya.

Kata anak-anaknya: “Pohonlah olehmu akan ampun kepada Allah terhadap dosa-dosa kami, bahawasanya kami ini sungguh orang bersalah. Menjawab Ya‘qub: Aku akan pohonkan yang demikian itu kepada Tuhanku, bahawasanya Tuhanku Amat Pengampun lagi Amat Mengasihani.” (97, Yūsuf).

Contoh syafaat malaikat. Firman Allah dalam surah al-Shūrā maksudnya: ((Hampir langit-langit itu menitik di atas mereka, dan malaikat itu bertasbih dengan memuji Tuhan serta memohonkan ampun untuk segala penduduk bumi, ketahui olehmu bahawasanya Allah itu Amat Pengampun lagi Amat Pengasihani.)) 42, al-Shūrā).

Contoh syafaat orang mukmin. Firman Allah dalam surah al-Ḥashr, ertinya: ((Dan segala mereka yang datang di belakangnya bersama berkata: Hai Tuhan kami, ampuni bagi sekalian mereka yang mati dengan ketiadaan olehMu akan kami dan akan segala saudara-saudara kami yang telah mendahului, dan jangan Engkau jadikan di dalam hati kami dendam bagi segala mereka yang telah beriman. Hai Tuhan kami, bahawasanya Engkau Amat Ra’uf lagi

Rahīm.)) (10, al-Ḥashr).

‘Ubādah ibn al-Ṣāmat berkata: Engkau telah dengar Rasulullah bersabda, ertinya: ((Barangsiapa memohon ampun untuk saudara-saudaranya yang mukmin dan mukminat, Allah berikan kepadanya pada tiap-tiap seorang mukmin dan mukminat yang ia pohonkan ampun itu, satu kebajikan.)) (Riwayat Ṭabrānī. Kata *Majmu’ al-Zawā’id* isnadnya hasan (baik.)

Syafaat yang seperti ini, di dunia, ini, dituntut boleh kita memintanya kepada Nabi pada masa hayatnya, bukan sesudah berpulangan ke hadrat Allah (wafatnya). Demikian juga boleh kita datang kepada seseorang yang kita pandang soleh yang masih hidup, kita meminta kepadanya akan memohon kepada Allah sesuatu yang kita hajati.

Syafaat di alam barzakh. Adapun syafaat di alam barzakh menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Mas‘ud dari Nabi, sabdanya: (Bahawasanya bagi Allah itu ada beberapa malaikat yang sentiasa berjalan, mereka menyampaikan salam ummatku. Segala amalan baik bagi kamu, kamu menghadapkan perkataan kamu kepada aku dan aku menghadapkan perkataanku kepada kamu. Matiku juga lebih baik bagi kamu, segala amalan kamu diperlihatkan kepada aku, maka jika aku melihat amalan yang baik, aku pun memuji akan Allah, dan jika aku melihat amalan yang buruk, aku pohonkan kepada Allah akan mengampuninya.)) (Riwayat al-Bazār kata al-Haitamī dalam *Majmu’ al-Zawā’id* perawinya sahih.)

Inilah hadis yang dijadikan hujah oleh mereka yang membolehkan memohon syafaat kepada Nabi di dalam barzakh. Sesungguhnya walaupun hadis ini ada yang memandang sahih perawinya, namun belum tentu sah matannya

(mengapa? – Basmeh). Kata Ibn Abdul Hadi: Hadis yang menerangkan hidup Nabi dan matinya sama baiknya bagi kita, mursal. Dan walaupun sah, tak dapat juga kita pergunakan untuk membolehkan meminta syafaat kepadanya di alam barzakh itu.) (Ini hanya pendapat Abdul Hadi – tidak ada harganya untuk dijadikan alasan atau ikutan. – Basmeh).

Syafaat Nabi pada hari akhirat. Salah satu dari kepercayaan kita yang berhubung dengan iman akan hari akhirat, ialah beriman bahawa di sana kelak Nabi akan memberi syafaat. Banyak ayat dan hadis yang menerangkan, bahawa Nabi (S.A.W) memberi syafaat pada hari kiamat kepada ummatnya. Di dalam sebuah hadis Nabi ada bersabda, ertinya: ((Saya menjadikan syafaat saya bagi sakalian mereka yang mati dengan ketiadaan mempersekutukan Allah.)) (Riwayat Ahmad dan al-Ṭabrānī).

Wajib kita beriman, bahawa Nabi akan memberi syafaatnya. Di dalam satu hadis sah lagi, Nabi ada bersabda ertinya:

((Sayalah yang mula-mula memberi syafaat dan yang diterima syafaatnya.)) (Riwayat Bukhārī dan Muslim).

Kata Ahl al-Sunnah dan selainnya: Bahawa Nabi kitalah yang memberi syafaat-syafaat, yakni memohon kepada Allah supaya disegerakan perkara menghitung amalan (hisab) dan itulah yang dinamai syafaat yang besar (al-Shafā'ah al-Bukrā). Ada pun syafaat yang selain ini, seperti syafaat terhadap mereka yang mesti masuk neraka, mereka yang telah masuk supaya dikeluarkan, maka hal itu diakui oleh Ahl al-Sunnah, tetapi dinafikan oleh golongan yang lain. Di dalam beberapa hadis memang ada keterangan, bahawa selain dari Nabi kita, ada juga

mereka yang diberi hak bagi memberi syafaat itu. Hanya mustahak diyakinkan, bahawa seseorang yang memberi syafaat itu ialah sesudah diberi izin kepadanya untuk membuat permohonan itu.

Allah *'Azza wa Jalla* berfirman, ertinya: ((Siapakah gerangan yang memberi syafaat di sisi Allah dengan ketiadaan izin-Nya?)) (255, al-Baqarah).

Dan banyak pula hadis yang menyatakan, bahawa isi mahsyar akan meminta syafaat daripada Nabi kita pada hari kiamat. Di antara hadith yang menegaskan demikian, ialah yang diriwayatkan oleh Anas dari Nabi (SAW) sabdanya (ertinya:)

((Orang mukmin ditahan atau dikurung pada hari kiamat, maka tergeraklah hati mereka untuk meminta syafaat, lalu mereka berkata: Tidakkah lebih baik kita meminta syafaat kepada seseorang, supaya ia meminta kepada Allah akan melepaskan kita dari kesusahan berlama-lama di tempat ini? Maka mereka pun datanglah kepada Adam, mereka berkata kepadanya: Hai sekalian manusia, Allah telah menjadikan engkau dengan tangan-Nya dan meniup pada engkau roh-Nya dan menyuruh malaikat bersujud, pohonkanlah kepada Allah supaya melepaskan kami daripada berlama-lama di tempat ini. Maka menjawab Adam: Saya tak dapat memohon hajat kamu ini, lalu menerangkan kesalahannya; kemudian Adam berkata: Pergilah kamu kepada Nuh, permulaan Rasul yang dibangkitkan oleh Allah. Mendengar itu mereka pun pergi kepada Nuh. Nuh juga menolak permintaan mereka lalu menyebut akan kesalahannya. Nuh menyuruh mereka pergi kepada Ibrahim. Ibrahim juga menolak serta menyebut akan kesalahannya yang menyebabkan ia malu memohon kepada Allah. Ibrahim menyuruh

mereka pergi kepada muka Musa. Musa pun menolak, serta menerangkan kesalahannya. Musa menyuruh mereka mendapatkan Isa. Isa juga menolak, dan ia menyuruh mereka pergi mendapatkan Muhammad (S.A.W). Mereka semua pun pergi kepadanya. Setelah Muhammad menerangkan permintaan itu, dia pun lalu memohonkan izin akan melaku permintaan. Setelah keizinan diperoleh, Muhammad pun bersetuju.

((Setelah beberapa lama bersujud, datanglah perintah menyuruh angkat kepalanya dan meminta. Nabi pun meminta, dan lalu ditentukan mereka yang mendapat syafaat itu, kemudian meminta lagi hingga sampai empat kali. sesudah itu Nabi pun berkata: Tak ada lagi dalam neraka, selain daripada mereka yang wajib berkekalan di dalamnya (Sahih Muslim: 84).

Syafaat dalam al-Quran. Ada ayat menafikan syafaat, maka mustahak kita ketahui mana syafaat yang diisbatkan dan mana syafaat yang dinafikan.

Abu al-‘Abbās Sheikh al-Islām ibn Taimiyah, berkata: Tuhan telah menerangkan bahawa syafaat hanya berguna bagi mereka diizinkan Tuhan. Tuhan berfirman: ((*wa lā yashfa’ūna illā li man irtadā*)) (Dan tiada mereka memberikan syafaat melainkan bagi (orang-orang) yang Allah redhai). (28 al-Anbiyā’)

Syafaat yang disangka kaum musyrikin, tak ada pada hari kiamat sebagaimana yang telah ditiadakannya oleh al-Quran dan dikhabarkan oleh (SAW), bahawasanya beliau datang lalu bersujud kepada Tuhan, memuji-Nya. Tidak memohonkan apa-apa. Kemudian barulah dikatakan kepadanya, angkatlah kepalamu dan katalahh sesuatu supaya didengar dan jika engkau minta nescaya diberi dan jika engkau

memberi syafaat nescaya diterima. Abū Hurairah bernanya kepada Nabi (S.A.W): Siapakah orang yang amat berbahagia dengan syafaat engkau. Nabi menjawab: ((Orang yang mengucapkan *lā ilā ha illallāh* dengan hatinya yang ikhlas.

Itu lah syafaat bagi orang-orang yang ikhlas dengan izin Allah dan bukan bagi ahli syurga.

Ada pun hakikat syafaat itu pula ialah: Allah memberi kurnia kepada ahli ikhlas lalu mengampuni, mereka dengan *wāsiṭah* doa orang yang diizinkan memberi syafaat untuk memuliakannya dan memberi makam yang terpuji.

Tegasnya syafaat yang dinafikan oleh al-Quran ialah: yang mengandungi syurga. Kerana itulah Tuhan menetapkan syafaat pada beberapa tempat dengan izinnya dan Nabi telah menegaskan bahawa syafaat itu hanya untuk ahli tauhid yang ikhlas. (*al-Tauhid – 47 – 48*).

Jelasnya syafaat yang ditetapkan bagi Nabi (SAW) ialah: Doa mustajab di akhirat, dizahirkan Allah sesudah Nabi berdoa apa yang memang Allah akan menzahirkannya untuk memuliakan pendoa yang mengemukakan syafaat. Dan sekali-sekali syafaat itu tidak memberi bekas atas ilmu Allah dan iradatnya. Hadath tak dapat memberi bekas kepada yang qadim.

((*Huwa al-awwal wa al-ākhir wa al-zāhir wa al-bāṭin wa huwa bi kulli shai`in ‘alīm*)). (Dialah yang awal dan ialah yang akhir. Dialah yang zahir dan dialah yang batin, dan dialah yang Mengetahui segala sesuatu) 3, al-Ḥadīd. (lihat *al-Mannār* 7: 122).

(Dari buah pena Tuan Muhammad Hasbi bin ash-shiddieqy)

- Selesai -